

Sistem saliran tidak sempurna mungkin punca runtuh: Pakar

BH
28/11/11
MLS12

Kuala Lumpur: Sistem saliran tidak sempurna mungkin menjadi punca berlaku tanah runtuh di Taman Idaman, Serendah, kelmarin.

Profesor Geologi Kejuruteraan, Geofizik Kejuruteraan dan Mekanik Batuan, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Profesor Dr Abd Ghani Rafek, berkata ketiadaan sistem saliran sempurna boleh menjejaskan struktur kerana air yang meresap boleh menyusut kekuatan tanah.

“Bila air tidak boleh mengalir dengan bebas (kerana tiada saliran air yang baik), tanah di kawasan itu akan menjadi tepu dan kekuatannya akan menyusut.

“Selepas beberapa tahun keadaan itu berlarutan, lama kelamaan tanah menjadi berat dan ini yang menyebabkan berlaku tanah runtuh apabila ia tidak lagi menampung jumlah air yang terlalu banyak,” katanya ketika dihubungi BH, malam tadi.

Bina saliran bawah tanah

Abd Ghani berkata, pembinaan sistem saliran bawah tanah yang sempurna amat penting, terutama jika kawasan perumahan itu dibina pada cerun tambakan, berbanding kawasan semula jadi.

“Jika kawasan itu dibina di kawasan cerun tambakan, keadaan menjadi berbahaya jika tiada sistem saliran berfungsi dengan baik, lebih-lebih lagi ketika musim tengkujuh.

“Isu air bawah tanah yang tidak boleh mengalir dengan baik kerap menjadi penyebab berlakunya tanah mendap dan tanah runtuh, ia bergantung kepada ciri tanah, jika ia berpasir maka air lebih mudah mengalir.

“Namun jika ia bukan jenis tanah yang berpasir, ia menyekat pengaliran air dan lama-kelamaan tanah akan menjadi cair dalam bentuk lumpur dan kelodak seterusnya berlaku tanah runtuh,” katanya.

Katanya, satu kajian secara terperinci perlu dilakukan berhubung insiden itu bagi mengenal pasti punca sebenar dalam memastikan tragedi sama tidak berulang.



Ketiadaan sistem saluran sempurna boleh jejas struktur kerana air yang meresap boleh menyusut kekuatan tanah. Bila air tidak boleh mengalir dengan bebas (kerana tiada saluran air yang baik), tanah di kawasan itu akan menjadi tepu dan kekuatannya akan menyusut”

Abd Ghani Rafek,

Profesor Geologi Kejuruteraan, Geofizik Kejuruteraan dan Mekanik Batuan, Universiti Teknologi PETRONAS